

03/08/2002

`Demokrasi Barat ketepi nilai sosial'

KUALA LUMPUR, Jumaat - Demokrasi Barat yang memberi kebebasan penuh, tidak boleh dicontohi kerana ia mengetepikan nilai sosial dalam masyarakat, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau berkata, demokrasi yang diamalkan di negara ini lebih menekankan keperluan sosial masyarakat pelbagai kaum.

"Apa pun kita kata untuk menegakkan demokrasi, mereka (Barat) tidak puas hati selagi kita tak amal demokrasi yang mereka ajar," katanya mengulas ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi, malam tadi.

Perdana Menteri ketika merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Global 2002) menyelar media antarabangsa dan negara liberal Barat yang bekerja keras untuk melemahkan demokrasi negara baru membangun sehingga ke tahap menyokong usaha menjatuhkan kerajaan.

Zainuddin ketika dihubungi hari ini, berkata media antarabangsa berbuat demikian secara berterusan sejak dulu lagi dengan niat untuk memaksa negara lain termasuk Malaysia, menerima nilai demokrasi Barat.

Katanya, Tunku Abdul Rahman pernah menyatakan Barat tidak bersimpati dengan Malaysia apabila tragedi 13 Mei 1969.

Beliau berkata, media dan negara Barat sebaliknya mendakwa Malaysia mendiskriminasi kaum dengan menekan kaum Cina menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB), tetapi hakikat sebenar ialah dasar itu membawa kesejahteraan serta keseimbangan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC) Abdul Razak Baginda berkata, apa yang mustahak bagi Barat ialah kehendak mereka dipatuhi tanpa mengira negara itu demokrasi atau tidak.

"Demokrasi cuma sebagai alat untuk menekan. Barat adalah hipokrit. Contohnya, Arab Saudi dan Mesir adalah negara monarki, bukan demokrasi tetapi kedua-duanya mendapat sokongan kuat Amerika kerana mereka tunduk kepada kemahuan kuasa besar itu," katanya.

"Kenyataan Perdana Menteri memang tepat sekali. Barat tertakluk kepada prinsip demokrasi sebagai senjata untuk menekan negara lain. Mereka akan sokong negara proksi yang tunduk kepada mereka," katanya.